

## HAD MUATAN LORI DINAIKKAN

---

Kementerian Pengangkutan tetap pertahan keputusan Kabinet ambil kira semua aspek termasuk keselamatan

Kementerian Pengangkutan mernpertahankan keputusan menaikkan had Berat Dengan Muatan (BDM) lori yang berkuat kuasa pada Isnin lalu kerana tindakan itu sudah mengambil kira semua aspek termasuk keselamatan.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata ia adalah keputusan Kabinet setelah mendapat maklum balas positif pelbagai pihak termasuk jabatan dan agensi berkaitan. "Dari' segi keselamatan, pandangan pelbagai pihak sudah diambil kira dan ia adalah pandangan terbaik.

Peningkatan itu adalah sangat minimum, bukan maksimum dan lori yang ada sekarang memang layak dan berkapasiti lebih tinggi sebenarnya.

"Mengenai aspek keselamatan lain (kapasiti jalan raya), itu juga sudah diambil kira dengan pandangan Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Keselamatan Jalari Raya (JKJR). Ini keputusan Kabinet (selepas ambil kira pelbagai aspek) bukan keputusan saya seorang," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran perkhidmatan KUL VIP Access yang ditawarkan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) yang disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, semalam.

Rancak pertumbuhan Isnin lalu, Tiong Lai mengumumkan keputusan kerajaan menaikkan had BDM dua jenis kenderaan perdagangan berkuat kuasa serta-merta, bertujuan merancakkan pertumbuhan industri logistik negara termasuk membabitkan "kenderaan D - Controlled (lori kecil) yang menyaksikan kenaikan daripada lima tan kepada 7.5 tan.

Keputusan kerajaan menaikkan had berat dengan muatan (BDM) kenderaan bagi dua kategori kenderaan perdagangan dipertikaikan oleh pakar keselamatan jalan raya dan persatuan pengguna.

Mereka melahirkan kebimbangan had baharu BDM itu akan meningkatkan risiko keselamatan pengguna jalan raya serta mempercepatkan kerosakan laluan berkenaan.

Kelmarin, Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar, mendakwa keputusan tidak dibuat tanpa perbincangan dengan suruhanjaya itu.

Sambil menyatakan rasa terkejut dengan keputusan berkenaan, Syed Hamid berkata keputusan berkenaan tidak boleh dikuatkuasakan selagi tiada perbincangan dengan SPAD.

Mengikut Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, lori dengan muatan lebih lima tan perlu mendapatkan lesen daripada SPAD, namun keputusan menaikkan had itu membolehkan lori melebihi had berat beroperasi tanpa lesen suruhanjaya berkenaan.

Mengulas kenyataan Syed Hamid kononnya keputusan itu dibuat tanpa perbincangan dengan SPAD, Tiong Lai menjelaskan mana-mana agensi tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan sebarang tanpa merujuk kepada Kabinet.

"Saya rasa itu (masalah) dalaman SPAD ... (jadi) kena tanya dia (Syed' Hamid). "Mana-mana agensi apabila menteri sudah buat kenyataan, tidak sepatutnya secara terbuka beri maklum balas berlainan kerana semua kenyataan menteri adalah melalui kenyataan dasar Kabinet," katanya.

---

**SUMBER : BERITA HARIAN | M/S: 8 | 16 MAC 2017**